

**Pemuda MIC Selangor Desak Kerajaan Selangor Beri Pendidikan Percuma
Bernama
09 Mei, 2012**

SHAH ALAM, 9 Mei (Bernama) -- Kira-kira 100 anggota Pergerakan Pemuda MIC Selangor mengadakan demonstrasi aman di sini pada Rabu bagi mendesak kerajaan negeri pimpinan Parti Keadilan Rakyat memberikan pendidikan percuma kepada pelajar universiti di bawah pentadbirannya.

Turut serta dalam perhimpunan yang berlangsung di hadapan pintu masuk bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) itu ialah Ketua Pemuda MIC Selangor Shanker Raj Ayanger.

Beliau berkata kerajaan pakatan pembangkang di Selangor sepatutnya memulakan pengajian percuma di dua universiti di bawah kendaliannya iaitu Universiti Selangor dan Kolej Universiti Islam Selangor sebelum mendesak kerajaan menghapuskan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Pembangkang pernah berjanji dalam manifesto pilihan raya umum ke-12 untuk memberi pendidikan percuma dan kerajaan negeri yang menggelar diri mereka sebagai (peneraju) negeri berkeadilan perlu melaksanakannya di Selangor dulu sebelum meminta kerajaan Barisan Nasional memansuhkan PTPTN," katanya.

Shanker Raj bercakap kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum berhubung perkara itu kepada seorang pegawai media daripada Pejabat Menteri Besar.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664796>